

Gadai nyawa curi hasil negara

Sinar Harian 24/2/18 M/S 18

20 nelayan asing
ceroboh pelantar
minyak ditahan

FARAH SHAZWANI

KUALA TERENGGANU

Maritim Terengganu berjaya menahan tujuh bot nelayan asing dalam tempoh masa tidak sampai seminggu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) DM9 Terengganu, Kapten Maritim Rahim Ramli berkata, sebelum ini pada 18 Februari lalu, kapal Maritim yang berpangkalan di Pangkalan Maritim Kemaman telah melakukan tangkapan tiga bot nelayan asing dari Vietnam di kedudukan 123 batu nautika dan pada 21 Februari menahan pula dua bot nelayan asing dari Vietnam pada kedudukan 105 batu nautika dari muka Kuala Terengganu.

Menurutnya, tangkapan kali ketiga pula dilakukan kelmarin melibatkan dua bot nelayan, di kedudukan kira-kira 110 dan 115 batu nautika dari muka muara Kuala Terengganu.

"Kapal Maritim telah menemui dua bot nelayan Vietnam yang berada berhampiran Pelantar Minyak Jernih yang dipercayai sedang berehat setelah selesai melakukan aktiviti menangkap ikan.

"Apabila dihampiri dan diarahkan berhenti, salah sebuah bot me-

INFO
● Hasil rampasan termasuk 2 tan ikan baja dan ikan campur, anggaran 33,000 liter minyak diesel dianggarkan berjumlah RM2.4 juta

larikan diri dalam keadaan gelap di 'samping memadamkan lampu. Bagaimanapun, kira-kira jam 4.25 pagi, bot pertama telah berjaya dinaiki dan digeledah," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau berkata, kapal Maritim berjaya mengejar dan mengesan bot kedua dengan bantuan radar yang membawa kepada tangkapan kedua kira-kira jam 6.05 pagi.

Hasil pemeriksaan ke atas bot pertama mendapati, seramai 16 awak-awak warganegara Vietnam termasuk tekong berada di dalam bot tersebut manakala pemeriksaan ke atas bot kedua pula mendapati seramai empat awak-awak yang juga warganegara Vietnam termasuk tekong berada di dalam bot itu.

Kesemua yang ditahan berjumlah 20 orang, dalam lingkungan 15 hingga 71 tahun termasuk seorang bawah umur.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati, kedua-dua bot tersebut mempamerkan salinan dokumen dari Vietnam dan terdapat peralatan menangkap ikan seperti pukat dan tali tunda ganding serta tidak mempunyai sebarang lesen serta permit yang sah untuk menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia.

"Kesemua awak-awak juga tidak



Rahim (kiri) dan pegawainya menunjukkan hasil tangkapan yang dirampas.

mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri. Hasil tangkapan dianggarkan kira-kira dua tan ikan baja dan ikan campur, anggaran 33,000 liter minyak diesel serta nilai bot dan peralatan menangkap ikan dianggarkan RM2.4 juta.

Bot dan awak-awak kemudiannya dibawa dan ditahan di jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985.



Rahim (tengah) memeriksa dokumen nelayan Vietnam yang ditahan.

Tindakan berani ceroboh undang padah

Rahim berkata, susulan tangkapan tersebut menunjukkan nelayan asing kini bukan sahaja berani menceroboh negara, malah sanggup bertarung nyawa 'mengaut' hasil negara dengan menceroboh kawasan pelantar minyak yang menjadi lubuk ikan dan sotong.

Menurutnya, isu tersebut menjadi serius kerana mereka sanggup meredah tempat berisiko tinggi kerana terdapat banyak paip minyak di dasar laut.

"Kita dapati ramai dalam kalangan nelayan suka menceroboh kawasan pelantar minyak dan mereka seolah-olah tidak tahu jarak kawasan larangan iaitu 500 meter dari kawasan pelantar minyak.

"Ada juga dengan selamba masuk ke dalam kawasan larangan itu untuk memancing, berehat dan lebih parah ada yang menjalankan

aktiviti memasak.

"Tindakan berani ini sebenarnya sangat berbahaya kerana mereka berdepan risiko kebakaran dan letupan.

"Pihak Maritim tidak akan berkompromi dan akan bertindak tegas kepada mana-mana pelaku yang melanggar peraturan negara," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Bagi mengatasi masalah itu, Maritim bekerjasama dengan Petronas dan ExxonMobil yang akan jadi 'mata dan telinga' Maritim dan akan melaporkan jika berlaku pencerobohan nelayan di kawasan pelantar minyak.

Jelasnya, Maritim akan meningkatkan rondaan di perairan negara, termasuk membuat pemantauan udara.

Terengganu yang mempunyai 135 pelantar minyak dan yang terbanyak di negara ini, menjadi tumpuan golongan berkenaan.



Rahim (tiga, kanan) melihat nelayan Vietnam memunggah hasil tangkapan mereka.